

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : KUTIPAN CUKAI TANAH DAN PREMIUM

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sasaran kutipan kedua-dua cukai tanah dan premium untuk tahun 2020 dan 2019?
- b) Berapakah banyak yang telah dikutip oleh kerajaan sehingga sekarang untuk tahun 2020 dan jumlah kutipan keseluruhan untuk tahun 2019?

JAWAPAN:

- a) Sasaran kutipan cukai tanah dan premium pada tahun 2020 dan tahun 2019 adalah seperti berikut;

Perkara/ Tahun	2019	2020
Cukai Tanah	RM 576,316,429.00	RM 568,211,000.00
Premium	RM 972,639,400.00	RM 968,409,429.00

- b) Berdasarkan Sistem i-spek, jumlah kutipan cukai tanah dan premium sehingga 29 Februari 2020 adalah seperti berikut;

Perkara/ Tahun	2020
Cukai Tanah	RM 133,437,167.80
Premium	RM 120,365,747.56

Manakala, jumlah keseluruhan kutipan hasil cukai tanah dan premium bagi tahun 2019 adalah seperti berikut;

Perkara/ Tahun	2019
Cukai Tanah	RM 563,945,113.19
Premium	RM 1,019,865,866.89

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PROGRAM LATIHAN DAN MOTIVASI

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk memulakan kembali program Pembangunan Insan yang mensasarkan berbagai organisasi dan kumpulan ?

- b) Apakah mekanisme yang boleh digunakan dalam pelaksanaan program tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah pun memulakan program Pembangunan Insan untuk kumpulan pelajar seperti Program Jamboree di Kem Bina Semangat Ampang Pecah dan program motivasi untuk pelajar sekolah tahfiz. Matlamat pelaksanaan program ini adalah untuk melahirkan masyarakat cemerlang selaras bagi merealisasikan halatuju kerajaan ke arah negeri Smart Selangor. Maka pada tahun ini, pihak Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan akan meneruskan pelaksanaan program pembangunan modal insan dengan menggunakan pendekatan yang lebih kontemporari dan komprehensif.

Oleh itu, Kerajaan Negeri akan mengadakan program pembangunan insan yang memberi fokus kepada peningkatan kemahiran yang boleh membantu individu tersebut meningkatkan pendapatan.

- b) Bagi memastikan kelestarian terhadap keberkesanan pelaksanaan program pembangunan modal insan beberapa elemen dan mekanisme dilaksanakan seperti berikut :
 - i. membuat perancangan dengan menetapkan objektif dan halatuju yang jelas, proses pelaksanaan, peranan pihak terlibat dan impak program;
 - ii. mengenal pasti kumpulan/entity yang dapat membantu individu meningkatkan pendapatan mereka

- i. mengadakan jaringan kerjasama strategik dengan semua agensi / jabatan/syarikat swasta yang dikenalpasti dapat membantu hasrat kerajaan negeri. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri merancang untuk mengadakan program pembangunan modal insan secara besar-besaran bertempat di Kem Wawasan, Meru. Program ini melibatkan golongan muda di DUN negeri Selangor.

- iv. mengenal pasti pekerjaan yang sesuai dengan generasi muda yang berminat menceburi bidang 'gig ekonomi'. Melalui program Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) yang diperkenalkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada sidang Belanjawan #Selangor 2020, anggaran seramai 3,000 anak muda di seluruh Selangor yang layak bakal diberi peluang pekerjaan di dalam 'gig ekonomi'

- v. bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk melindungi golongan generasi muda yang menceburi bidang 'gig ekonomi'

- ii. mengadakan jaringan kerjasama strategik dengan semua agensi / jabatan/syarikat swasta yang dikenalpasti dapat membantu hasrat kerajaan negeri. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri merancang untuk mengadakan program pembangunan modal insan secara besar-besaran bertempat di Kem Wawasan, Meru. Program ini melibatkan golongan muda di DUN negeri Selangor.

- iv. mengenal pasti pekerjaan yang sesuai dengan generasi muda yang berminat menceburi bidang 'gig ekonomi'. Melalui program Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) yang diperkenalkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada sidang Belanjawan #Selangor 2020, anggaran seramai 3,000 anak muda di seluruh Selangor yang layak bakal diberi peluang pekerjaan di dalam 'gig ekonomi'

- v. bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk melindungi golongan generasi muda yang menceburi bidang 'gig ekonomi'

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : KAWASAN SEMAK SAMUN DI RUMAH KOSONG/TANAH LAPANG

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri atau Kerajaan boleh mengambil tindakan undang-undang jika pemilik rumah/tanah jika degil membersihkan kawasan yang penuh dengan sampah atau semak samun?

- b) Bolehkah kerajaan menyita rumah/lot yang disebut di atas jika pemilik rumah/tanah gagal berbuat demikian?

JAWAPAN:

- a) Tindakan boleh diambil di bawah Kacauganggu Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dengan ada pengadu dan saksi. Mengikut prosedur kerja (SOP) premis/tanah terbiar, sekiranya pemilik degil membersihkan kawasan yang penuh dengan sampah atau semak samun selepas menerima notis, tindakan undang-undang yang boleh diambil ialah samada didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau tindakan undang-undang pendakwaan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya di bawah Seksyen 82(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Sehubungan dengan itu, PBT boleh mengambil tindakan kepada pemilik yang ingkar membersihkan kawasan yang dipenuhi sampah semak samun seperti berikut:

- i. PBT mengeluarkan Notis Kacauganggu kepada pemilik rumah/ tanah persendirian yang mempunyai masalah semak-samun;

- ii. Sekiranya tiada tindakan pembersihan oleh pemilik dan tempoh notis telah tamat, kompaun akan dikeluarkan terhadap pemilik premis;

- iii. PBT akan membuat pembersihan dan kos pembersihan akan dibilkan kepada pemilik premis.

- b) Bagi kes-kes rumah atau tanah tidak dijaga dengan sempurna oleh pemilik berdaftar tanah atau pemilik kediaman, pihak Pejabat Daerah Dan Tanah tidak boleh menyita tanah atau rumah tersebut, ini kerana:
- i. Seksyen 116 Kanun Tanah Negara 1965 menyatakan syarat-syarat tersirat yang menyentuh tanah yang tertakluk kepada kategori “bangunan”. Seksyen 116(c) Kanun Tanah Negara 1965 pula menyatakan bahawa tiap-tiap bangunan di atasnya hendaklah dijaga dengan baik.
 - ii. Namun begitu, segala tindakan hendaklah mematuhi peruntukan di bawah seksyen 89(b) Kanun Tanah Negara 1965 yang menyatakan bahawa apa-apa syarat, sekatan kepentingan dan peruntukan-peruntukan lain hendaklah dinyatakan di dalam surat hak milik.

Tindakan penguatkuasaan boleh diambil sekiranya syarat-syarat tersirat seperti yang ternyata di bawah seksyen 115, 116 dan 117 dalam Kanun Tanah Negara 1965 dinyatakan dalam hak milik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : WARGATUA TIDAK ADA SUMBER KEWANGAN SELEPAS BERSARA

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan ini yang tidak layak untuk bantuan kebajikan masyarakat?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Kerajaan Persekutuan ada menyalurkan Bantuan Kewangan Skim Bantuan Orang Tua. Bilangan penerima Bantuan Orang Tua (BOT) Negeri Selangor sehingga Februari 2020 adalah sebanyak **10,755** orang penerima dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM 3,764,250.00** yang telah disalurkan kepada penerima bantuan yang layak sebagai bantuan saraan hidup kepada mereka supaya terus tinggal dalam komuniti. Kadar pemberian bantuan di bawah skim BOT ini adalah sebanyak **RM 350.00** sebulan.

Syarat pemberian bantuan BOT ini adalah seperti berikut:

- a. Warganegara dan bermastautin di Malaysia
- b. Warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas
- c. Pendapatan Isi Rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin **Isi Rumah** Semasa atau PGK Purata Miskin **Per Kapita** Semasa;
- d. Warga Emas yang **bukan tinggal** di:
 - i. Institusi kendalian JKM atau
 - ii. Pusat jagaan harian/berkediaman yang memberi kemudahan/perkhidmatan secara percuma.

Sekiranya pesara-pesara tidak layak untuk skim Bantuan Orang Tua, antara perkhidmatan yang diberikan oleh pihak Jabatan adalah perkhidmatan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang disediakan bagi membantu warga emas.

Konsep PAWE adalah seperti berikut:

- i. Program sokongan sosial/ pengintegrasian warga emas bersama dengan ahli keluarga dan masyarakat setempat;

- ii. Penglibatan peringkat komuniti setempat;
- iii. Pendampingan sosial dan pembangunan warga emas; dan
- iv. Interaktif dan intergenerasi

Program-program di PAWE dibentuk berdasarkan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) yang merupakan amalan penuaan berjaya (*successful ageing*) dan seterusnya akan mensejahterakan warga emas apabila warga emas menikmati keseimbangan dalam dimensi tersebut. Terdapat lima (5) dimensi program PAWE iaitu:

1. **Penuaan Sihat** - Program-program kesihatan dan pencegahan kesihatan seperti ceramah kesihatan, pemeriksaan fizikal, pergigian, terapi pemulihan dan sebagainya.
2. **Penuaan Positif** – Program-program berbentuk kerohanian dan pembelajaran sepanjang hayat seperti kelas mengaji Al Quran dan muqaddam, fardu ain serta program pembelajaran yang lain.
3. **Penuaan Aktif** – Program-program sosial seperti kelas tarian, nyanyian, bermain alat muzik dan program sukan senaMas, Tai Chi, yoga, refleksilogi dan sebagainya.
4. **Penuaan Produktif** – Program-program pemerikasaan ekonomi seperti 1 PAWE 1 Produk, penghasilan kraftangan, makanan sejuk beku dan kerja-kerja sukarela yang dilaksanakan oleh warga emas.
5. **Penuaan Menyokong** – Program-program kesedaran, khidmat kaunseling, aktiviti sukarelawan dan khidmat masyarakat kepada warga emas.

Terdapat 16 buah PAWE telah ditubuhkan di Negeri Selangor sehingga akhir tahun 2019 dengan jumlah keahlian seramai 1,632 orang (tidak termasuk 8 buah PAWE yang baru beroperasi pada Februari 2020). Senarai PAWE di Selangor adalah seperti di LAMPIRAN.

LAMPIRAN

SENARAI PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE)

NEGERI SELANGOR

1. PAWE Jenjarom
Lorong 21, Jalan Sek. Kg. Baru
42600 Jenjarom
Kuala Langat
Selangor

2. PAWE Sabak Bernam
Jalan Parit 1 Timur
45300 Sungai Besar
Selangor

3. PAWE Sungai Buloh
Kompleks Penyayang BAKTI
Jalan Meranti, SD 13/4
Off Persiaran Meranti,
Bandar Sri Damansara
52200 Petaling
Selangor

4. PAWE Kg. Kenanga
d/a No 2, Jln Ros Kg Kenanga,
48000 Rawang,
Selangor

5. PAWE Pelangi Impian
Lot 2835, Jalan Seri Jaya
Kampung Hulu Chuchoh
43950 Sungai Pelek
Sepang, Selangor

6. PAWE FELDA Bukit Cherakah
Jalan 9, Felda Bukit Cherakah
42200 Kapar, Selangor

7. PAWE Sungai Kantan
Jalan 4, Taman Sri Kantan
43000 Kajang
Selangor

8. PAWE Kg. Sri Langkas Tambahan
Lot 93, Kampung Sri Langkas Tambahan
Batu 13, 47100 Puchong, Selangor

9. PAWE Kampung Telok Menegon Klang
Batu 3, Jalan Kota Raja
Kg. Telok Menegon, Seksyen 36,
40640 Shah Alam, Selangor

10. PAWE Gombak
d/a: Pusat Akar Budi
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Batu 11 Jalan Gombak
68100 Batu Caves

11. PAWE Subang Jaya
40, Jalan USJ6/6K,
47610 Subang Jaya

12. PAWE Petaling Jaya
Unit J-G-9, Blok J
Jalan PJS 2,
Taman Medan Jaya
46000 Petaling Jaya

13. PAWE Damansara Jaya
Aras 6, Pusat Penjaja Atria MBPJ
Jalan SS22/25 Damansara Jaya
47400 Petaling Jaya

14. PAWE@UNI UKM
Aras 5,
Kolej Keris Mas
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi

15. PAWE Beranang
Klinik Kesihatan Beranang,
Jalan Semenyih,
43500 Beranang

16. PAWE Pandan
Dewan Komuniti Taman Muda,
Jalan Bunga Tanjung 14A,
Taman Muda, Ampang
56100 Kuala Lumpur

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : TANAH

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status dan kebenaran untuk pemilikan tanah lot lidi yang menjadi trend masa kini dari segi undang-undang pemilikan dan penjualan tanah lot di sekitar kawasan kampung?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) serta setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Negeri Selangor tidak pernah mengeluarkan sebarang kebenaran untuk pemilikan tanah lot lidi. Ini kerana hak pemilikan adalah hanya pada pemilik lot asal sahaja dan pembeli lot-lot kecil tersebut yang lebih dikenali dengan lot lidi ini tidak mempunyai sebarang hak pemilikan yang asli dan nama mereka tidak diadaftarkan pada mana-mana dokumen hakmilik daftaran tanah.

PTGS dan setiap PDT sentiasa menasihati orang awam yang ingin melakukan sebarang urusan pembelian lot-lot kecil ini untuk berhati-hati agar tidak menjadi mangsa penipuan pemilik lot asal tanah.

Di antara risiko-risiko pembelian tanah lot lidi ini adalah :

- i. Nama tiada dalam hak milik tanah berdaftar;
- ii. Kesalahan langgar syarat tanah;
- iii. Sukar untuk menjalankan urusan jual beli;
- iv. Kesukaran kepada pembeli lot kecil sekiranya Pemegang Amanah meninggal dunia;
- v. Tiada pampasan sekiranya ada pengambilan tanah berlaku; dan
- vi. Tanah tidak boleh diwariskan jika berlaku kematian.

Walaubagaimanapun, PTGS dan PDT sentiasa terbuka dan akan menerima permohonan untuk sebarang urusan pecah sempadan/pecah bahagian tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : MASALAH PENDAPATAN & HASIL PADI

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan untuk membantu meningkatkan pendapatan petani terutama pengusaha sawah padi?
- b) Apakah bentuk bantuan atau insentif yang boleh diberikan kepada pesawah yang terjejas akibat serangan penyakit padi?

JAWAPAN:

- a) Bagi membantu meningkatkan pendapatan petani, Jabatan Pertanian menyediakan insentif dan bantuan untuk mengurangkan kos pengeluaran sawah padi. Antaranya bantuan dalam bentuk input baja tambahan, baja organic, kawalan perosak dan khidmat nasihat. Selain itu, promosi dan pengenalan varieti padi baharu dibuat oleh Jabatan Pertanian dengan menyediakan bantuan penanaman secara transplanter di kawasan sawah terpilih.
- b) Bagi pesawah yang terjejas akibat serangan penyakit Jabatan Pertanian menyediakan bantuan bagi kawalan perosak serta khidmat nasihat kepada petani. Selain itu Jabatan Pertanian daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam sentiasa mengadakan gotong rotong dan kawalan perosak secara bersepadu dengan petani bagi kawalan perosak seperti tikus, siput, serangga dan penyakit bawaan kulat dan bakteria.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PUSAT TUISYEN RAKYAT SELANGOR

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah prestasi program Pusat Tuisyen Rakyat Selangor setakat ini.
- b) Adakah program ini membantu memperbaiki keputusan peperiksaan para pelajar yang terlibat seperti yang disasarkan.

JAWAPAN:

- a) Prestasi Program Tuisyen Rakyat Selangor setakjat ini amat menggalakkan. Penyertaan untuk PTRS 2020 menunjukkan peningkatan sebanyak 93% .Bermula pada tahun 2020 PTRS juga telah diperluaskan kepada calon Ujian Penilaian Sekolah rendah.
- b) Pihak urus setia PTRS kini sedang mengumpulkan data kepuutusan Peperiksaan SPM Pelajar PTRS. Keberkesanan program ini terhadap Pelajar akan dapat dikenalpasti setelah kajian ini dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : UNJURAN HASIL PREMIUM TANAH

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah unjuran hasil daripada premium tanah untuk 10 tahun akan datang?
- b) Adakah Kerajaan Negeri dapat menggantikan kekurangan premium tanah dengan hasil lain apabila bilangan permohonan tukar syarat nyata tanah menurun?

JAWAPAN:

- a) Merujuk pertanyaan berkaitan, unjuran hasil daripada premium tanah untuk 10 tahun akan datang. Untuk makluman, pihak Kerajaan Negeri hanya membuat unjuran berdasarkan Notis 5A dan 7G yang dikeluarkan dan unjuran ini dirangka pada setiap tahun di dalam Bengkel Halatuju Pentadbiran Tanah yang dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Unjuran bagi tempoh 10 tahun tidak dapat dirangka dalam tempoh terdekat kerana isu berkaitan dengan hal-hal tanah melibatkan pihak-pihak yang berada di luar kawalan atau bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri tiada kuasa untuk mengarahkan pemilik tanah membangunkan tanah mereka.

Sekiranya terdapat permohonan pembangunan tanah yang diterima oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemilik tanah tidak boleh membangunkan tanah mereka selagi mana tiada sebarang pembayaran premium dijelaskan.

- b) Jawapan masih belum diterima daripada PWN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : WIFI SMART SELANGOR

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perkembangan terkini tentang perkhidmatan WIFI Smart Selangor dalam membantu rakyat mendapat maklumat yang lebih meluas?

JAWAPAN:

- a) Sejak dilaksanakan pada tahun 2015 program Wifi Smart Selangor sudah mempunyai sejumlah 3,663 unit AP dan Hotspot di dalam senarai aktif. Jumlah sesi penggunaan yang terkumpul adalah lebih daripada 57 juta sesi penggunaan dengan lebih 1.8 juta pengguna berdaftar terkumpul. Laporan ini berdasarkan laporan bulanan Februari-2020. Sejak SMARTSEL diberi tanggungjawab oleh MBI untuk menguruskan program ini secara rasmi bermula Januari 2019, untuk kawasan dan perkakasan yang mempunyai kapasiti dan berupaya untuk menampung, SMARTSEL berjaya untuk meningkatkan kelajuan purata bagi 1 pengguna (peruser speed) daripada 1Mbps kepada 4Mbps, SMARTSEL juga telah berjaya meningkatkan kelajuan 'backhaul' untuk kawasan yang menggunakan gentian optik kepada 100Mbps. Di samping itu, pihak SMARTSEL juga sentiasa mengukuhkan operasi rangkaianannya dengan mengendalikan Network Operating Centre (NOC) sebagai pusat khidmat sehati.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : PENAIKTARAFAN SISTEM PERPARITAN DI KAWASAN PERUMAHAN
LAMA / KAMPUNG BANDAR**

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kini di bawah DUN Bandar Utama, terdapat kawasan perumahan lama / kampung yang sistem perparitannya sudah tidak cukup untuk menampung keperluan sebenar oleh penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Apakah kerajaan akan mengambil sebarang langkah terhadap kawasan perumahan lama seperti ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil tindakan pembaikan sistem perparitan di kawasan perumahan lama / kampung melalui kontraktor inden dan kontraktor tidak berjadual yang di lantik setiap tahun berdasarkan aduan yang di terima daripada penduduk. Keperluan untuk menaiktaraf sistem perparitan di kawasan perumahan lama akan di tentukan berdasarkan punca utama kekerapan berlakunya kejadian banjir/air bertakung seperti:
- i) Berpunca binaan lantai di atas longkang tanpa kebenaran yang menyebabkan aliran air permukaan jalan tidak dapat mengalir ke dalam longkang secara teratur.
 - ii) Berpunca mendapan pasir, sisa-sisa makanan, minyak dan sampah domestik yang tersumbat di dalam longkang sehingga menyebabkan sistem perparitan terjejas.
 - iii) Berpunca daripada rumput-rumput yang tumbuh di dalam longkang atau akar-akar pokok menyekat aliran air atau menyebabkan sistem perparitan mengalami kerosakan.
 - iv) Berpunca keamatan hujan yang luar biasa (violent shower) iaitu keamatan hujan 18.3mm dalam tempoh 10 minit.
 - v) Struktur sistem perparitan telah mengalami kerosakan / uzur dengan usia sistem perparitan melebihi 10 tahun.

Bagi perkara (i – iii), tindakan penguatkuasaan, tindakan pembersihan dan pemotongan rumput atau akar pokok di laksanakan terlebih dahulu untuk memastikan aliran dalam sistem perparitan berfungsi. Kerajaan Negeri akan memantau dari semasa ke semasa samada sistem perparitan tersebut samada

mampu menampung jumlah air larian permukaan jalan atau tidak bagi menentukan keperluan menaiktaraf sistem perparitan.

Bagi perkara (iv – v), kajian akan dilaksanakan dan mengenalpasti kawasan tadahan (catchment area) dan rizab-rizab jalan terlebih dahulu dalam menetapkan jajaran sistem perparitan yang perlu diutamakan bagi kerja menaiktaraf sistem perparitan. Memandangkan peruntukan menaiktaraf sistem perparitan amat terhad, sekiranya ada keperluan menaiktaraf sistem perparitan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan memohon peruntukan MARRIS bagi kerja ini.

Manakala bagi kawasan kampung akan ditentukan mengikut keadaan di tapak samada sistem perparitan sediaada berada di dalam rizab jalan (Kerajaan) atau sistem perparitan tersebut di bina sendiri oleh penduduk. Sempadan lot persendirian dan sempadan tanah kerajaan perlu ditentukan terlebih dahulu bagi memastikan cadangan perlaksanaan menaiktaraf sistem perparitan berjalan lancar dan tiada kejadian pencerobohan. (pembinaan sistem perparitan di dalam lot persendirian).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : KLORR-KL OUTER RING ROAD

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pembinaan KLORR akan/telah diteruskan semula? Jika ya apakah syarat-syarat baharu yang dikenakan ke atas KLORR? Jika tidak, apakah sebab-sebab KLORR tidak dibenarkan disempurnakan?

JAWAPAN:

- a) Jajaran asal Kuala Lumpur Outer Ring Road (KLORR) adalah yang melalui kawasan permatang kuartza dan kawasan tadahan air yang menerima bantahan daripada Kerajaan Negeri Selangor. Sehubungan itu, pihak Kerajaan telah membahagikan projek KLORR kepada dua peringkat iaitu peringkat 1 yang melibatkan Lebuhraya EKVE yang kini dalam peringkat pembinaan dan jajaran berkenaan tamat di Ukay Perdana.

Peringkat 2 pula adalah cadangan projek KL Node yang merupakan sambungan kepada Lebuhraya EKVE yang mana jajaran KL Node ini akan melengkapkan jajaran bagi Lebuhraya KLORR. Untuk Makluman, cadangan projek KL Node telah dibentangkan kepada Majlis Ekonomi (EC) pada 21 Ogos 2017 dan tiada perkembangan lanjut sehingga sekarang.

Sumber : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENGAMBILAN TANAH RIZAB MELAYU UNTUK PROJEK LEBUHRAYA
PANTAI BARAT (WCE)**

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah keluasan pengambilan tanah status rizab Melayu sepanjang jajaran WCE di Selangor?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan tanah rizab ini diganti semula sebagaimana titah DYMM Sultan Selangor pada sidang yang lalu untuk menjaga kepentingan tanah ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) yang terlibat dengan jajaran Lebuhraya Banting – Taiping di Negeri Selangor adalah seluas **109.8125 hektar**. Daerah yang terlibat adalah **Kuala Langat, Klang** dan **Kuala Selangor**. Penggantian telah dibuat di daerah yang sama selaras dengan Pekeliling Pejabat Tanah dan Galian Selangor Bilangan 3/2015. Pecahan Tanah Rizab Melayu yang terlibat dengan jajaran ini adalah seperti di jadual di bawah :-

Bil	Daerah	Luas TRM terlibat (hektar)
1	Kuala Langat	43.5353
2	Klang	9.0269
3	Kuala Selangor	57.2503
Jumlah		109.8125

- b) Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil tindakan sejak tahun 2015 bagi memastikan Tanah Rizab Melayu (TRM) diganti semula dengan mengeluarkan suatu prosedur tatacara pembatalan dan penggantian TRM yang terlibat dengan pengambilan tanah melalui Pekeliling Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bilangan 3/2015.

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah (PTD) berkaitan keputusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 17/2015** yang diadakan pada **20 Mei 2015** yang telah disahkan oleh **MMKN ke 18/2015 pada 3 Jun 2015** berkaitan Garis Panduan Urusan Pembatalan Dan

Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM) Semasa Proses Pengambilan Tanah Bagi Kegunaan Kerajaan Persekutuan Atau Kerajaan Negeri Dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.

Agensi yang terlibat hendaklah menyediakan tanah ganti bagi menggantikan TRM yang terlibat dengan mana-mana urusan pengambilan. Permohonan batal dan ganti TRM ini dijalankan secara serentak ketika proses permohonan pengambilan tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : GERAJ-GERAI SELIAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah gerai dibawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan mengikut kawasan DUN?
- b) Berapakah jumlah gerai yang sedang disewa dan yang masih belum disewa mengikut kawasan DUN?
- c) Berapakah jumlah sewaan yang dikenakan terhadap peniaga?

JAWAPAN:

- a) Jumlah gerai di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan mengikut kawasan DUN adalah seperti berikut :

BIL	PBT	DUN	JUMLAH GERAJ SELIAAN PBT MENGIKUT DUN
1.	MBSA	Kota Anggerik	165
		Batu Tiga	122
		Kota Kemuning	108
		Paya Jaras	138
		Kota Damansara	206
		JUMLAH KECIL	739
BIL	PBT	DUN	JUMLAH GERAJ SELIAAN PBT MENGIKUT DUN
2.	MBPJ	Bukit Lanjan	16
		Bandar Utama	79

		Taman Medan	289
		Kg. Tunku	233
		Kota Damansara	115
		Bukit Gasing	484
		Seri Setia	122
	JUMLAH KECIL		1338
3.	MPK	Selat Klang	145
		Pandamaran	241
		Sentosa	44
		Sungai Kandis	38
		Pelabuhan Klang	36
		Meru	42
		Sementa	42
		Bandar Baru Klang	80
	JUMLAH KECIL		668
4.	MPAJ	Hulu Kelang	283
		Bukit Antarabangsa	184
		Pandan Indah	189
		Lembah Jaya	167
	JUMLAH KECIL		823
5.	MPSJ	Subang Jaya	72
		Batu Tiga	33
		Kinrara	70
		Seri Serdang	105
	JUMLAH KECIL		280
6.	MPS	Kepong	140
		Selayang	351
		Gombak	509
		Rawang	263
	JUMLAH KECIL		1263

BIL	PBT	DUN	JUMLAH GERAI SELIAAN PBT MENGIKUT DUN
7.	MPKj	Kajang	56
		Balakong	74
		Sungai Ramal	82
		Dusun Tua	16
		Semenyih	16
JUMLAH KECIL			244
8.	MPSp	Dengkil	247
		Sungai Pelek	165
		Tanjung Sepat	0
JUMLAH KECIL			412
9.	MPKL	Banting	815
		Sijangkang	159
		Tg. Sepat	135
		Morib	79
		Dengkil	22
JUMLAH KECIL			1210
10.	MDHS	Hulu Bernam	73
		Kuala Kubu Bharu	152
		Batang Kali	321
JUMLAH KECIL			546
11.	MDKS	Sungai Burong	74
		Permatang	18
		Bukit Melawati	38
		Ijok	79
		Jeram	39
		Paya Jaras	4
JUMLAH KECIL			252
12.	MDSB	Sungai Air Tawar	53
		Sabak	430
		Sungai Panjang	437

		Sekinchan	297
	JUMLAH KECIL		1217
	JUMLAH KESELURUHAN		8992

(b) dan (c) dijawab secara bersekali

Jumlah gerai yang sedang disewa serta sewa yang dikenakan dan yang masih belum disewa mengikut kawasan DUN adalah seperti berikut :

BIL	PBT	DUN	JUMLAH GERAI SELIAAN PBT		
			DISEWA	JUMLAH SEWA YANG DIKENAKAN	BELUM DISEWA
1.	MBSA	Kota Anggerik	154	RM130.00- RM500.00	11
		Batu Tiga	116	RM50.00 – RM400.00	6
		Kota Kemuning	92	RM150.00– RM350.00	16
		Paya Jaras	122	RM50.00 – RM200.00	16
		Kota Damansara	192	RM50.00 - RM350.00	14
	JUMLAH KECIL		676		63
2.	MBPJ	Bukit Lanjan	16	RM30.00- RM300.00	-
		Bandar Utama	79		-
		Taman Medan	308		19
		Kg. Tunku	251		18
		Kota Damansara	116		1
		Bukit Gasing	508		24
		Seri Setia	122		-
	JUMLAH KECIL		1400		62
3.	MPK	Selat Klang	122	RM100.00 – RM 300.00	23
		Pandamaran	212		29
		Sentosa	42		2

		Sungai Kandis	35		3
		Pelabuhan Klang	28		8
BIL	PBT	DUN	JUMLAH GERAI SELIAAN PBT		
			DISEWA	JUMLAH SEWA YANG DIKENAKAN	BELUM DISEWA
		Meru	39		3
		Sementa	35		7
		BB Klang	66		14
	JUMLAH KECIL		579		89
4.	MPAJ	Hulu Kelang	283	RM80.00 - RM550.00	Tiada
		B.Antarabangsa	184	RM60.00 - RM5,850.00	Tiada
		Pandan Indah	189	RM30.00 - RM400.00	Tiada
		Lembah Jaya	167	RM30.00 - RM1,800.00	Tiada
		Teratai	-	-	-
	JUMLAH KECIL		823		0
5.	MPSJ	Subang Jaya	72	RM150.00- RM400.00	1
		Batu Tiga	33	RM250.00- RM350.00	1
		Kinrara	70	RM200.00	5
		Seri Serdang	105	RM100.00- RM250.00	10
	JUMLAH KECIL		280		17
6.	MPS	Gombak Setia	248	RM 50.00 – RM 400.00	11
		Sungai Tua	227	RM 50.00 – RM 400.00	15
		Tmn Templer	200	RM 50.00 – RM 500.00	17
		Rawang	125	RM 50.00 – RM 400.00	18
		Kuang	44	RM 30.00 – RM 250.00	8
		Bukit Lanjan	80	RM 50.00 – RM 400.00	7
	JUMLAH KECIL		924		76
7.	MPKj	Kajang	47	RM150.00- RM600.00	9
		Balakong	70	RM300.00	4

		Sungai Ramal	77	RM150.00- RM300.00	5
		Dusun Tua	0	RM50.00	16
		Semenyih	10	RM150.00- RM200.00	6
	JUMLAH KECIL		204		40
8.	MPSp	Dengkil	229	RM40.00- RM200.00	18
		Sungai Pelek	141		24
		Tanjung Sepat	0	-	-
	JUMLAH KECIL		370		42
BIL	PBT	DUN	JUMLAH GERAI SELIAAN PBT		
			DISEWA	JUMLAH SEWA YANG DIKENAKAN	BELUM DISEWA
9.	MPKL	Banting	632	45.00 – 2,000.00	183
		Sijangkang	80	55.00 – 5,000.00	79
		Tg. Sepat	95	70.00 – 200.00	40
		Morib	75	20.00 – 500.00	4
		Dengkil	19	120.00 – 150.00	3
	JUMLAH KECIL		901		309
10.	MDHS	Hulu Bernam	69	RM60.00- RM300.00	4
		Kuala Kubu Bharu	142	RM80.00- RM1,500.00	10
		Batang Kali	306	RM40.00 – RM400.00	15
	JUMLAH KECIL		517		29
11.	MDKS	Sungai Burong	65	RM50.00 hingga RM990.00	9
		Permatang	18		0
		Bukit Melawati	34		4
		Ijok	70		9
		Jeram	34		5
		Paya Jaras	4		0
	JUMLAH KECIL		225		27
12.	MDSB	Sungai Air Tawar	38	RM5,000.00	15
		Sabak	398	RM48,747.00	32
		Sungai Panjang	402	RM58,660.00	35

		Sekinchan	275	RM35,220.00	11
		JUMLAH KECIL	1113		93
		JUMLAHKESELURUHAN	8012		847

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PROJEK LEBUHRAYA DI SELANGOR

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek lebuhraya di Negeri Selangor yang masih belum siap dan tarikh jangkaan siap projek.
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan pembinaan and penyelenggaraan lebuhraya di Selangor disegerakan, serta tidak mendatangkan kesukaran kepada pengguna jalan raya dan penduduk sekeliling?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman YB, terdapat enam (6) projek lebuhraya di Negeri Selangor yang masih dalam pembinaan dan berikut adalah senarai enam (6) projek lebuhraya berserta tarikh jangkaan siap:

No.	Lebuhraya	Tarikh Jangkaan Siap
1.	Lebuhraya Pantai Barat (Taiping – Banting) (WCE)	16 Jun 2024
2.	Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE)	20 Julai 2020
3.	Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE)	26 Ogos 2020
4.	Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH)	28 Ogos 2020
5.	Lebuhraya Putrajaya – KLIA (MEX2)	4 Julai 2020
6.	Lebuhraya Setiawangsa Pantai (SPE)	17 November 2020

- b) Untuk makluman YB, projek-projek lebuhraya di dalam Negeri Selangor adalah kelulusan di peringkat Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri hanya memberikan kelulusan secara dasar terhadap jajaran lebuhraya yang dicadangkan, pemantauan jajaran dalam Rancangan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan, kelulusan Seksyen 4 dan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 dan pewartaan jajaran sebagai rizab jalan.

Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu platform perbincangan dalam memastikan pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya di Selangor disegerakan, serta tidak

mendatangkan kesukaran kepada pengguna jalan raya dan penduduk sekeliling melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Lebuhraya Di Dalam Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh saya sendiri serta mesyuarat penyelarasan pemantauan lebuhraya bagi memantau pembinaan lebuhraya serta menyelesaikan isu secara bersama dengan jabatan/agensi serta pihak konsesi yang terlibat. Selain itu, turun padang ke tempat pembinaan juga dilakukan jika terdapat masalah yang timbul.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PERSISIRAN SUNGAI KELANG

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah inisiatif yang akan dilakukan pada tahun ini?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : JALAN PANTAI MORIB KE PANTAI SEPANG PUTRA (BAGAN LALANG)

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan aduan jalan rosak yang diterima dan direkodkan oleh JKR untuk jalan tersebut dari tahun 2012 hingga kini.
- b) Berapakah peruntukan JKR untuk lampu jalan di sepanjang jalan tersebut?
- c) Senaraikan statistik kemalangan maut 5 tahun sebelum ini yang melibatkan jalan tersebut.

JAWAPAN:

- a) Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan FT005. Mengikut statistic aduan JKR Daerah Kuala Langat, terdapat sejumlah 14 aduan yang diterima dari tahun 2012 hingga 2020 (Januari). Senarai lengkap aduan yang diterima adalah seperti di **Lampiran 1**.

Tahun	Jumlah Aduan
2012	
2013	
2014	
2015	1
2016	
2017	2
2018	5
2019	5
2020	1
Jumlah Keseluruhan	14

Sumber : lisan, telefon, surat

- b) Peruntukan penyelenggaraan bagi lampu jalan dan lampu isyarat bagi jalan tersebut adalah seperti berikut :

Tahun	Peruntukan (RM)
2020	120,000.00
2019	100,000.00
2018	100,000.00
2017	100,000.00
Jumlah Keseluruhan	420,000.00

- c) Senarai statistik kemalangan maut dari tahun 2014 hingga 2017 adalah seperti di **Lampiran 2**.

Tahun	Bil. Kemalangan
2014	13
2015	10
2016	11
2017	11
2018	1
2019	2
Jumlah Keseluruhan	48

Sumber : Data kemalangan bulanan, Bahagian Perancang Jalan, KKR

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : SMUE

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penerima SMUE mengalami banyak halangan untuk menerima baucher seperti mereka yang tidak boleh berjalan, perlu bekerja pada hari pelaksanaan atau tiada kenderaan untuk pergi ke pasaraya yang tertentu. Adakah pihak kerajaan akan menimbangkan cara lain untuk memudahkan proses pelaksanaan SMUE?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, para peserta Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dibenarkan untuk menghantar wakil bagi menerima baucer Jom Shopping dengan syarat perlu bawa mykad asal peserta SMUE dan perlu mengisi borang sebagai wakil. Kerajaan Negeri juga sedang dalam kajian untuk mempertimbangkan beberapa cadangan tersebut bagi menambah baik cara pengendalian program Jom Shopping Warga Emas seperti berikut:
- i. Pemberian baucer Jom Shopping Warga Emas secara terus kepada ahli dan terpulang pada ahli untuk menunaikan baucer tersebut pada bila-bila masa mengikut tempoh waktu yang ditetapkan.
 - ii. Pemberian kad warga emas/*E-wallet* untuk mereka membuat pembelian barang mengikut tempoh yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : DEWAN ORANG RAMAI

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri ada merancang untuk menambah dewan orang ramai yang lebih besar dan strategik di sekitar Daerah Gombak khususnya di DUN Taman Templer?

JAWAPAN:

- a) Untuk Makluman Tapak Dewan Di Setia Eco Templer Seluas 0.076 Ekar Akan Di Bina Oleh Pihak Pemaju Dan Serahan Kepada Majlis.

Majlis Juga Sedang Dalam Proses Memohon Untuk Pewartaan Tapak Kompleks Komuniti Seluas 1.82 Ekar Berhampiran Dengan Pejabat Tanah Gombak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : KES DENGGI

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan program dan gerak kerja mengikut daerah yang telah dilakukan untuk membasmi masalah denggi kawasan perumahan dan kawasan kilang?
- b) Nyatakan program atau aktiviti di peringkat negeri Selangor bagi tahun 2018-2020 yang dirancang untuk program pembasmian denggi?

JAWAPAN:

- a) Setiap aktiviti denggi di peringkat daerah samaada melibatkan program atau gerak kerja di mana-mana premis adalah mengikut *standard* garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Aktiviti utama yang dilaksana adalah :
 - i. Penghapusan tempat pembiakan nyamuk
 - ii. Semburan ruang termal
 - iii. Semburan ULV
 - iv. Aktiviti Pendidikan kesihatan denggi
 - v. Aktiviti penguatkuasaan/ perundangan

Bagi membasmi masalah denggi di kawasan perumahan dan kilang, antara usaha yang perlu dilaksana termasuklah:

- 1) Membincangkan isu denggi di peringkat daerah secara terperinci untuk tindakan yang diambil oleh pihak terlibat melalui Mesyuarat Tindakan Denggi Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dihadiri oleh kesemua agensi terlibat seperti PKD, PBT, Ahli Majlis dan sebagainya
- 2) Membincangkan isu serta punca pembiakan denggi di lokasi terlibat bersama penduduk/ ahli majlis/ DUN agar dapat diambil tindakan bersama.
- 3) Memperkasakan peranan penduduk/ agensi terlibat melalui penubuhan pasukan COMBI bagi melaksana aktiviti pencegahan denggi (pemusnahan

tempat pembiakan denggi serta pendidikan kesihatan denggi) di lokaliti berkenaan.

- 4) Melaksana program gotong-royong berfokus bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk bersama masyarakat di lokaliti berkenaan.
- 5) Aktiviti penguatkuasaan seperti pengeluaran Seksyen 8 serta pengeluaran kompaun bagi premis kediaman dan penutupan serta tindakan mahkamah bagi kilang yang mempunyai pembiakan denggi positif.

b) Program/ aktiviti denggi peringkat Negeri Selangor 2018-2020 adalah seperti berikut:

- 1) Mesyuarat Tindakan Denggi Peringkat Negeri Selangor secara berkala (2018-2020)
- 2) Pemakluman melalui surat rasmi "Dengua Alert" Peningkatan Peningkatan Kes Denggi di Selangor secara berkala serta Amaran Peningkatan Kes Denggi mengikut situasi semasa (contoh cuti persekolahan, cuti perayaan dll) kepada pihak berkaitan seperti fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta dalam Selangor, PBT, Kerajaan Negeri Sekolah, Agensi Kerajaan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, JAIS dan MAIS serta lain-lain.
- 3) Program Gotong Royong Mega Denggi Peringkat Negeri sebanyak 2 kali setahun (2018- 2020) telah dilaksana di beberapa daerah utama denggi seperti Petaling, Hulu Langat, Gombak, Klang, Kuala Selangor dan Sepang, manakala daerah-daerah lain turut melaksana gotong royong berkenaan di peringkat masing-masing.
- 4) Sambutan Hari Denggi Asean Tahun 2018 dan 2019
- 5) Operasi Mobilisasi Kawalan Denggi Selangor 2018
- 6) Operasi Gempur Aedes (Penguatkuasaan) di Tapak Bina, Barang Lusuhan, Industri, Tapak Semaian, Tapak Komersial, Tempat Tumpuan Awam dan Tanah Lot Kosong secara berkala Tahun 2018-2019.
- 7) Kempen Selangor Gempur Aedes (Siri 1- 4) tahun 2019

- 8) Trevalog Denggi Peringkat Negeri Selangor (Mobilisasi COMBI ke lokaliti hotspot antara daerah.)
- 9) Program Selangor Bebas Aedes Tempat Kerja dan Kwarters (Kerajaan) 2019
- 10) Program Khas Pelepasan Nyamuk dan telur nyamuk berwolbachia di daerah Petaling 2019.
- 11) Program pengukuhan dan pemurnian Program Bebas Denggi Sekolah 2019 dan 2020

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PERNIAGAAN ATAS TALIAN

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah inisiatif kerajaan untuk membantu perniagaan atas talian?

JAWAPAN: